

TARIKH : 8/5/2023

SURAT KHABAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 20

+

www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

20

Isnin 08.05.2023 | Harian Metro

lokal

SPRM rampas dokumen selepas geledah rumah sekutu Jho Low

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merampas beberapa dokumen selepas mengeledah rumah sekutu Jho Low yang dihantar pada Rabu lalu se-

lepas enam tahun menghilangkan diri.

Sumber berkata, dokumen terbitan diambil bagi membantu siasatan berhubung skandal 1MDB dan SRC International Sdn Bhd.

"Setakat ini tiada aset bahu yang dirampas sebaliknya sebelum ini SPRM dengan kerjasama Commercial Affairs Departments Singapura (CAD Singapura) menyita akaun bank miliknya berjumlah kira-kira USD5.2 juta.

"Usaha mengesan aset 1MDB kini sedang dijalankan bagi suspek lain yang melarikan diri serta mendapat kembali wang yang diterima mereka."

Katanya, SPRM juga sedang giat mengesan dan bekerjasama dengan agensi luar bagi suspek lain yang melarikan diri serta mendapat kembali wang yang diterima mereka.

Kelmarin, Harian Metro melaporkan cubaan suspek skandal 1MDB dan SRC International pulang ke negara ini selepas enam tahun menghilangkan diri, gagal apabila ditahan SPRM.



INDONESIA akan terus memperjuangkan isu minyak sawit dan tidak mahu melihat perlakuan diskriminasi terus berlaku.

Jika Indonesia bergembang dengan Malaysia, maka kita akan menjadi lebih baik sebagai pengeluar terbesar minyak sawit mentah (CPO) dunia
Jokowi



MALAYSIA-INDONESIA

Setuju bangun OCS atasi masalah pekerja

Oleh Siti Hasfizza Aswaty Sab Jahan am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Hubungan dalam sektor ekonomi, perdagangan dan pelaburan perlu terus diperkuatkan serta dikekalkan antara Malaysia dan Indonesia.

Pendirian itu disuarakan Presiden Indonesia, Joko Widodo atau Jokowi supaya tidak timbul masalah pada masa depan sehingga menyebabkan perdagangan menurun dan pelaburan menyusut antara dua negara berjiran berkenaan.

Menurutnya, hubungan erat dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan langsung perlu terus diperkuatkan dan dipertingkatkan.

"Sebagai saudara serumpun, ikatan kedua-dua ne-

gara perlu betul-betul kuat. Hubungan kedua-dua negara perlu berlangsung sebagai jiran dan saudara serumpun.

"Selain itu, Indonesia dan Malaysia perlu bersama-sama dan menjadi rakan kongsi. Indonesia juga terbuka untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam usaha menghadapi situasi di pasaran terutama pasaran EU (Kesatuan Eropah).

"Kalau kerjasama tidak kuat, kita akan sukar menghadapi diskriminasi (sawit) dari EU. Hal berkaitan sawit ini membabitkan 16 juta rakyat Indonesia yang bekerja dalam sektor itu," katanya dalam temu bual eksklusif bersama wartawan Media Prima.

Jokowi berkata, Indonesia akan terus memperjuangkan isu minyak sawit dan tidak mahu melihat perlaka-



Hubungan kedua-dua negara perlu berlangsung sebagai jiran dan saudara serumpun"

Jokowi

kuan diskriminasi terus berlaku.

"Jika Indonesia bergembang dengan Malaysia, maka kita akan menjadi lebih baik sebagai pengeluar terbesar minyak sawit mentah (CPO) dunia.

"Kerjasama itu juga memudahkan urusan menembusi pasaran dan penetapan harganya. Indonesia dan Malaysia tidak boleh bertarung sesama sendiri kerana ia akan merugikan ke-

dua-dua pihak.

"Kedua-dua negara perlu bekerjasama dan bersatu. Saya yakin kita mampu menghadapi dan menyelesaikan isu ini bersama-sama," katainya.

Beliau berkata, perlindungan pekerja migran Indonesia di Malaysia juga perlu diperbaiki dan ditingkatkan.

"Saya sudah sepakat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membangunkan hanya satu saluran atau one channel system (OCS) yang akan memudahkan penyelesaian jika timbul sebarang pertikaian dan masalah di lapangan.

"Jika OCS ini dapat dilaksanakan, maka sebarang persoalan di lapangan yang berkaitan dengan pekerja migran Indonesia di Malaysia akan dapat dise-

lesakan.

"Kita juga menggalakkan pembangunan pusat pembelajaran komuniti yang mana anak-anak pekerja migran Indonesia ini dapat belajar di Malaysia," katainya.

Beliau yang juga Pengurus Asean berkata, pihaknya juga mahu Laut China Selatan menjadi kawasan yang stabil, damai dan sejahtera.

"Perkara ini juga diinginkan semua anggota Asean dan kunci utama dalam isu

ini adalah kepatuhan kepada undang-undang antarabangsa, kepatuhan kepada Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCLOS).

"Semua tuntutan yang dak berasas sepatutnya tidak wujud. Kata kunci dalam ini adalah kepatuhan kepada undang-undang antarabangsa. Asean akan termenggesa supaya kestabilan dan perdamaian terus menerus di rantau ini," katanya.